

Pengorek Dahan Zeuzera

BAHAGIAN DISERANG	Dahan, Batang.
NAMA BIASA (BAHASA MALAYSIA)	Ulat Pengorek Dahan
NAMA BIASA (BAHASA INGGERIS)	'Stem Borer', "Red branch borer"
NAMA SAINTIFIK	<i>Zeuzera coffeae</i> dan <i>Zeuzera conferta</i> .
ORDER	Lepidoptera
FAMILI	Cossidae

CIRI-CIRI

- Dewasa berwarna putih perak dengan bintik hitam kecil dan terbang sebaik sahaja muncul
- Larva berwarna merah gelap atau kuning kemerahan yang sangat ketara dan jelas warnanya
- Kepala dan hujung larva berwarna hitam serta terdapat tompok kecil berwarna hitam dan tersusun selari sepanjang badan
- Kepompong terbentuk di celah rekahan kulit.

BIOLOGI

- Kupu-kupu dewasa akan bertelur didalam rekahan kulit kayu dengan kitar hidup antara 4 hingga 4.5 bulan

SIMPTOM DAN KEROSAKAN

- Pada peringkat larva ia memakan isi di dalam batang dan dahan dimana serangan biasanya bermula dari pada ranting atau dahan muda
- Larva akan mengorek ranting ke arah bawah menuju ke dahan yang lebih besar dan daun pada ranting atau dahan akan menguning,layu dan kering
- Serangan pada pokok koko muda akan mengakibatkan kematian terutama apabila serangan berlaku pada batang atau dahan

utama

- Serangan boleh dikenalpasti dengan kehadiran fras kemerahan berbentuk telur yg terkeluar daripada lubang korekan di atas tanah
- Dahan yang berada di bahagian atas lubang masuk akan layu dan akhirnya mengering
- Dahan mati ini dapat dipatahkan dengan mudah.

KAWALAN

- Mencari lubang kemasukan serangga ini. Jika ianya menyerang dahan, maka potong sekaki ke bawah dahan terbabit dari bahagian lubang ditemui
- Buang dahan terbabit dari kebun
- Boleh menggunakan suntikan racun serangga dengan bahan aktif Dimethoate pada bahagian lubang, dan ditutup dengan tanah bagi menutup lubang pernafasan



Gambar Seranga



Gambar Simptom Kerosakan